



**SEKOLAH MODEL KHAS REDANG PANJANG  
IJOK, 34510 BATU KURAU, PERAK**

*Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillahirrabbi alamin*

**Wassala tuwassala muala asrafil anbia iwal mursalin  
Saidina Muhammaddin Waalaalihiwasahbiiajmain.**

**Assalamualikum wr.wb.**

**Salam Sejahtera.**

**Assalamualaikum dan selamat sejahtera, salam 1 Malaysia dan  
Salam Perak Amanjaya;  
Buat guru-guru dan pelajar-pelajar sekalian.**

**Dialah pemberi paling setia,  
Tiap akar ilmu miliknya  
Pelita dan lampu segala  
Untuk manusia sebelum jadi dewasa.**

**SELAMAT HARI GURU BUAT SEMUA WARGA PENDIDIK DI  
SMKRP. SEKALUNG KEMAAFAN KERANA TIDAK DAPAT  
MENYAMBUT HARI GURU BERSAMA-SAMA.**



## **SEKOLAH MODEL KHAS REDANG PANJANG IJOK, 34510 BATU KURAU, PERAK**

Warga Guru yang diraikan;

Bertepatan dengan tema Hari Guru 2012 "GURU INOVATIF MELONJAKKAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA" saya merasa terpanggil untuk menyeru diri saya sendiri serta seluruh warga guru Sek Model Khas Redang Panjang agar bersama-sama memperbaharui ikrar, keazaman dan tekad untuk meningkatkan kembali imej dan martabat profesionalisme keguruan, menggembeling tenaga dalam membina pasukan kerja yang kuat dan mantap serta bersama-sama berkongsi inspirasi dan idea yang kreatif dan inovatif dalam menjana kualiti kerja yang cemerlang dan gemilang bagi melonjakkan nama sekolah kita setara dengan sekolah-sekolah terbaik luar bandar. Selaras dengan Visi Sekolah; menjadi sekolah terbaik luar bandar menjelang 2015.

Guru-guru yang dikasihi sekalian;

Pada hemat saya guru berinovasi ialah guru yang mampu mencipta kelainan, mengarap sesuatu yang berbeza. Menerima perkara baru dalam dunia pendidikan dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Tidak pernah beri dalih tetapi sentiasa kata boleh. Kemahuan melebihi dari keupayaan. Kesungguhan membatasi keraguan. Apatah lagi, pelajar kita merupakan pelajar luar bandar yang perlu diasah, digilap, disisir, dipasak, dibelai dan dibela. Mereka harus diberi peluang dan ruang untuk membina keyakinan diri. Bak kata ahli bijak pandai;

**Seorang guru yang jujur  
harus berniat agar muridnya lebih pintar daripadanya.  
Tetapi, seorang murid yang jujur harus mengakui  
kepintaran gurunya.**





## SEKOLAH MODEL KHAS REDANG PANJANG IJOK, 34510 BATU KURAU, PERAK

Warga guru yang dimuliakan;

Peranan kita sebagai pendidik amat besar tugas dan tanggungjawabnya. Saya selaku Pengetua mengharapkan guru-guru saya bekerja seiring dengan visi dan misi kita. Bekerja bersama dengan saya. Berani bermimpi bersama saya. Langkah kita harus seiring. Ayunnya perlu sekata. Tingkahnya penuh tangkas dan waspada. Guru mestilah berjiwa besar kerana tugas "memanusiakan manusia" ini adalah sangat kompleks dan mencabar. Guru perlu memiliki karisma yang tinggi, berfikiran terbuka, boleh dipercayai, berakhlak tinggi, jujur dan matang.

Kalau nak tahu tingginya pokok, tanya pada helang  
Kalau nak tahu dalamnya belukar, tanya pada puyuh dan denak  
Kalau nak tahu luasnya padang, tanya pada belalang  
Kalau nak tahu panjangnya pantai, tanya pada bebarau

Bagai pepohon di tengah padang, Rimbunnya tempat berteduh  
Kuat dahannya tempat bergantung, Besar akarnya tempat bersila

Cikgu;

Kecemerlangan murid kita bukan ditentukan di mana mereka bersekolah. Bukan ditentukan oleh jauh atau dekatnya sekolah dari bandar tetapi lebih bergantung kepada usaha bersama dan kegigihan murid, guru dan pihak pengurusan sekolah. Ini merupakan cabaran kepada pihak pengurusan dan guru-guru di sekolah ini untuk mempertingkatkan program dan perancangan sekolah dalam usaha mempertingkatkan 'kemenjadian' murid.



## **SEKOLAH MODEL KHAS REDANG PANJANG IJOK, 34510 BATU KURAU, PERAK**

Kecemerlangan bukan diukur dari segi keupayaan minda sahaja. Kerana kita kini berdepan dengan masalah salah laku dan disiplin murid yang kian mencabar. Kita perlu sedar bahawa kecemerlangan seseorang murid bukan sahaja terletak pada akademik semata-mata. Kecemerlangan mestilah mempunyai pakej yang terdiri dari jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Kita mahu melahirkan modal insan yang:

**bercakap pada yang beradab  
berkata pada yang bermakna  
bergaul pada yang betul  
memakai pada yang sesuai  
bersahabat pada yang bersifat  
meneladan pada yang sepadan**

Kepada para guru dan kakitangan Sek Model Khas Redang Panjang, sekalung terima kasih yang tidak terhingga, kerana sentiasa bertungkus-lumus, membanting keringat, jerih-payah dalam membangunkan potensi pelajar. Melaksanakan amanah yang diberi penuh dedikasi tanpa rasa jemu. Bak kata Penyair tersohor, Allahyarham Dr Usman Awang;

**Di mana-mana guru berdiri di muka muridnya, sama ada di sebuah sekolah mewah di pekan besar atau di ibu kota, atau di bangunan usang serta tua, guru adalah insan mewakili 1000 buku. Semakin terpencil duduknya di ceruk desa, semakin bererti tugasnya kepada negara.**





## SEKOLAH MODEL KHAS REDANG PANJANG IJOK, 34510 BATU KURAU, PERAK

Buat pelajar-pelajar yang dikasihi sekalian;  
Dalam zaman yang sedia membangun ini, pelajar-pelajar perlu sedar untuk merebut peluang yang diberikan. Begitu banyak keistimewaan yang diberikan kepada anak-anak luar bandar antaranya ialah peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi untuk khotar luar bandar. Peluang ke sekolah-sekolah terbaik keutamaan pelajar luar bandar, biasiswa, bantuan kewangan untuk pelajar miskin (KWAPM), kemudahan asrama dan sebagainya. Pelajar perlu membuka minda, mengambil peluang dan ruang ini untuk meningkatkan ilmu diri. Buang segala sikap negatif yang membelanggu diri. Yang menjadi penghalang untuk kita berjaya. Jadilah manusia yang sentiasa belajar bersyukur. Menghargai apa yang ada sambil berterima kasih kepada guru yang memberi kita ilmu. Tanpa guru siapalah kita.

**Sesungguhnya:**

- Siapa belajar akan maju**
- Siapa bersungguh akan berhasil**
- Siapa menanam akan menuai**
- Siapa berjalan akan sampai**
- Siapa bersabar akan menang**
- Siapa jujur akan terlindung**
- Siapa berlembut hati akan mulia**
- Siapa lalai akan gagal**
- Siapa tergesa-gesa akan menyesal**
- Siapa boros akan berkurangan**
- Siapa berkeras hati orang benci**
- Siapa menganiaya akan teraniaya**



## SEKOLAH MODEL KHAS REDANG PANJANG IJOK, 34510 BATU KURAU, PERAK

Renunglah kata-kata ini:

Jika tak dapat menjadi meranti di puncak bukit, jadilah aur di lembah.

Jika tak boleh menjadi rimbun, jadilah rumput dan hiasilah jalan di mana-mana,

Jika tak dapat menjadi haruan, jadilah sepat. Tapi jadilah sepat yang terlincah di dalam paya,

Jika tak dapat menjadi bulan, jadilah bintang,

Jika tak dapat menjadi jagung, jadilah keledak, janji boleh dimakan,

Jika tidak dapat akar dibuat ubat, batangnya pun jadilah dibuat tongkat,

Jika kita tidak dapat menjadi orang lain yang berjaya, maka, jadilah diri kita sendiri yang boleh berjaya dan dihormati oleh orang lain. Fikirkan.

Akhir kalam, Kepada semua guru marilah kita menjadi penyumbang bukan sekadar menumpang dan pada anak-anak, belajarliah mencari peluang bukan merintah melihat peluang direbut orang. Kurangkan bercakap, banyakkkan berusaha.

**SELAMAT MENYAMBUT HARI GURU; GURU INOVATIF MELONJAKKAN  
TRANSFORMASI NEGARA.**

Sekian. Terima kasih.

CHE GAYAH AHMAD  
Pengetua